

Identifikasi Wilayah Syam Berdasarkan *Mu'jam Al-Buldān* oleh *Al-Hamawī*: Kajian terhadap Huruf *Al-Shīn*

Identifying The Territory of Syam Based on The Book Mu'jam Al-Buldān by Al-Hamawī: A Study on The Al-Shīn Chapter

THURAYA AHMAD*¹

ABSTRACT

Syam is a name of a place that is often mentioned in classical Arabic texts, including hadith texts. However, contemporary literature reveals an inaccurate description of the area that includes the territory of Syam in the past. Hence, this study aims to identify the territory of Syam by focusing on the al-Shīn chapter in the book Mu'jam al-Buldān by Yāqūt al-Hamawī. Data collection involved library research with Mu'jam al-Buldān being the primary source and other related secondary sources for further explanation. The study began by focusing on the names of locations classified by al-Hamawī in the al-Shīn chapter that was part of the territory of Sham. This was followed by compiling geographic information of each location. Then, the textual analysis approach was used to process the data. Subsequently, this study identified 30 names of places that were part of the territory of Syam, which includes countries known today as Saudi Arabia, Israel, Iraq, Jordan, Lebanon, Egypt, Palestine, Syria, and Turkey. In this regard, this study is of the view that it is appropriate to identify the geographical aspects of Syria, especially if the study is related to that area. Therefore, any confusion or misunderstanding about the territory of Syam can be avoided and rectified.

Keywords: *Syam; Mu'jam al-Buldān; identification; al-Shīn*

¹**Thuraya Ahmad** *(Corresponding Author), Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700, Pulau Pinang, Malaysia, Email: thuraya@usm.edu.my

PENGENALAN

Kebudayaan Arab silam terkenal sebagai satu warisan yang banyak merakamkan suasana persekitaran dan kehidupan sehari-hari mereka. Tidak ketinggalan hubungan mereka dengan masyarakat luar turut dirakamkan seawal zaman Jahiliah lagi dalam syair-syair yang dikarang. Setelah kedatangan Islam, budaya merakamkan setiap maklumat dan peristiwa terus berkembang. Secara beransur-ansur, cara perakaman maklumat dan peristiwa yang banyak bergantung secara hafalan semakin berubah kepada cara catatan di lembaran-lembaran.

Nama Syam yang menjadi fokus kajian ini sememangnya mendapat tempat dalam ingatan dan catatan masyarakat Arab. Nama ini kedapatan dalam syair, hadith Nabi s.a.w. dan buku-buku klasik. Antara karya Arab klasik ialah kitab *Mu'jam al-Buldān* oleh *Yāqūt al-Hamawī* yang menjadi fokus kajian ini.

Biarpun Syam banyak disebut dalam teks Arab, penyelidikan kontemporari yang berfokus kepada wilayah tersebut tidak banyak kedapatan. Setakat ini, kajian mendapati satu penyelidikan yang berfokus kepada Syam yang dihasilkan oleh Abas (2017) berjudul “Hadits Tentang Keutamaan Negeri Syam: Telaah Ma’ani al-Hadits”. Penyelidikan ini berobjektif untuk menganalisis status hadith kelebihan negeri Syam serta mengenalpasti maksud hadith yang berkisar tentang topik tersebut. Hasilnya penyelidikan mendapati bahawa hadith-hadith yang berkisar tentang kelebihan Syam berstatus sahih dan hasan. Adapun maksud keberkatan bumi wilayah ini terdapat pandangan ulama yang menjelaskan bahawa ia adalah dalam bentuk kenikmatan rezeki yang melimpah. Manakala sebahagian yang lain mengaitkan keberkatan Syam dengan kedudukannya sebagai tempat yang diutuskan nabi-nabi, justeru malaikat turun membawa wahyu. Penyelidikan ini juga tidak ketinggalan memperkenalkan lingkungan geografi wilayah Syam yang merangkumi negara-negara yang dikenali sekarang sebagai Syria, Lubnan, Palestin, Jordan dan bahagian barat Arab Saudi. Lingkungan geografi yang cuba diperkenalkan oleh penyelidikan ini sebenarnya tidak menyeluruh dan tidak menggambarkan lingkungan wilayah Syam dengan tepat biarpun secara kasar.

Terdapat juga penyelidikan lain yang menumpukan kepada negara Syria sahaja. Penyelidikan tersebut dihasilkan oleh Syahraeni (2016) berjudul “Islam di Syria”. Ia menyebut latar belakang sejarah Syria atau dikenali juga sebagai Suriah sebagai sebuah penempatan lama sejak kurun ke-4 SM. Begitupun ia lebih memberi penumpuan kepada kegemilangan Syria semasa pemerintahan Islam. Penyelidikan ini juga tidak ketinggalan merangkumkan Syria dalam wilayah Sham bersama Palestin, Lubnan dan Jordan. Rangkuman yang cuba diperkenalkan oleh penyelidikan ini juga tidak dapat memberi gambaran yang mencakupi.

Selain daripada ini, terdapat satu penyelidikan yang menyebut Syam sebagai antara tempat-tempat yang mempunyai elemen pelancongan berdasarkan kitab sirah yang bernama *al-Rahīq al-Makhtūm*. Penyelidikan ini dihasilkan oleh Md. Ali et al. (2019) berjudul “Elemen-elemen Pelancongan Dalam Sirah Nabawiyyah: Analisis Terhadap Kitab al-Rahiq al-Makhtum Karangan Safi al-Rahman al-Mubarakfuri”. Menyorot kepada elemen pelancongan di Syam, penyelidikan ini menyifatkannya sebagai berobjektifkan perniagaan dan bukan berbentuk rekreasi. Penyelidikan ini menamakan beberapa tempat dalam negeri Syam. Pertamanya, Mu’tah yang terletak dalam daerah Balqa` yang dikatakan jaraknya dari Bayt al-Maqdis (Jerusalem) ialah

dua *marhalah*. Jarak dua *marhalah* dianggarkan oleh Ali Gomaa, bekas mufti Mesir sebagai menyamai 83.5 kilometer (Farag, 2023; Gomaa, 2014). Keduanya, Basrah yang dikatakan terletak dalam daerah Hawran atau Hauran. Terdapat kekeliruan pada penamaan Basrah kerana namanya yang tepat ialah Busra yang merupakan perkampungan terbesar dalam daerah Hauran. Adapun bandar Basrah, ia terletak di pinggir sungai Furat di Iraq (al-Hamawī, 1995).

Penjelasan tentang identifikasi wilayah yang dikenali sebagai Syam dalam kalangan Arab silam tidak digarap dengan baik dan menyeluruh dalam penulisan kontemporari. Sehubungan dengan itu, kajian ini berinisiatif untuk memaparkan maksud atau lingkungan geografi Syam di sisi masyarakat Arab silam dengan memberi tumpuan kepada bahagian *al-Shīn* dalam kitab *Mu'jam al-Buldān*.

Kitab ini ditulis oleh *Yāqūt al-Hamawī* yang pada asalnya seorang hamba berketurunan Rom kepada saudagar *Abū Maṣṭūr al-Jīlī*. Beliau berpeluang mendapat pendidikan dan menyertai pengajian sehingga berjaya menjadi hafiz al-Quran serta penyair. Setelah memberi sumbangan yang membanggakan dalam dunia kelimuan, beliau akhirnya meninggal dunia pada tahun 622H/1229M (al-Dhababī, 2006). al-Hamawī (1995) menyebut dengan panjang lebar tujuan beliau menulis *Mu'jam al-Buldān* dimulai dengan dua ayat al-Quran yang menjadi pendorong:

(1)

﴿أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا لَمَّا فِي أَنفُسِهِمْ وَلَكِنْ تَعْمَى الْفُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ﴾

(Surah al-Hajj: 46)

Maksudnya:

Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar. (Tetapi kalaullah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

(2)

﴿فُلُونَ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَانَ أَكْثَرُهُمْ مُشْرِكِينَ﴾

(Surah al-Rūm: 42)

Maksudnya:

Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang-orang musyrik".

Dua ayat tersebut menyeru manusia supaya meneroka muka bumi serta mengambil perhatian pada kejadian dan sejarah masyarakat tempatan setiap tempat supaya menjadi pedoman dan pengajaran. Di samping itu, terdapat juga faktor lain yang mengesankan al-Hamawī iaitu ketikamana berada dalam majlis *Abū al-*

Mużaffar ibn Sa'īd al-Sam'ānī di Merv, beliau ditanya oleh seorang hadirin tentang nama tempat *al-Hubāshah* yang disebut dalam hadith nabi s.a.w. Persoalan tersebut telah mencetuskan antara sebab utama beliau mengarang kitab *Mu'jam al-Buldān*. Kitab ini memuatkan lokasi-lokasi dari serata dunia yang telah dikenalpasti oleh tamadun Islam. Lokasi tersebut disusun penyebutannya mengikut susunan huruf abjad Arab. Ia terdiri daripada nama kepada wilayah, pulau, bandar, kampung, gunung, kawasan hutan, sungai dan sebagainya. Setiap lokasi disertakan dengan penjelasan tentang kedudukan geografi, budaya serta sejarahnya.

Terdapat kajian lepas yang mengkaji identifikasi geografi berdasarkan *Mu'jam al-Buldān* oleh Mohamad dan Ahmad (2021), berjudul “Identifikasi Al-Hind Berdasarkan *Mu'jam Al-Buldān* Oleh Al-Ḥamawī: Kajian Terhadap Huruf Al-Qāf dan Al-Kāf”. Kajian bertujuan untuk memaparkan identifikasi geografi *al-Hind* sebagaimana dimaksudkan oleh masyarakat Arab silam. Hal yang demikian kerana berlaku salah faham dalam penulisan kontemporari yang merujuk keistimewaan *al-Hind* sebagaimana disebut dalam teks Arab klasik sebagai kehebatan yang telah dikecapi oleh Tamadun India semata-mata. Sehubungan dengan itu, kajian ini berinisiatif untuk mengemukakan maksud *al-Hind* dengan memberi fokus kepada bahagian *al-Qāf* dan bahagian *al-Kāf* dalam kitab *Mu'jam al-Buldān* oleh *Yāqūt al-Ḥamawī*. Kajian telah mengenalpasti 12 lokasi yang disebut sebagai teletak dalam rantau *al-Hind*. Hasilnya, bukan semua lokasi tersebut terletak di Subbenua India, bahkan ada yang terletak di Asia Tenggara; iaitu di Semenanjung Tanah Melayu dan Indochina.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk merungkai identifikasi Syam di sisi masyarakat Arab silam. Bagi pengumpulan data tentang topik ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dengan memanfaatkan penggunaan secara dalam talian dengan lebih dominan berbanding penggunaan pustaka konvensional. Sumber-sumber rujukan terdiri daripada karya klasik serta kontemporari, dalam bentuk; buku, artikel atau kenyataan berautoriti di laman sesawang. Kitab *Mu'jam al-Buldān* merupakan sumber induk bagi kajian ini dengan memfokuskan kepada bahagian *al-Shīn* sahaja. Bahagian ini dipilih memandangkan ia memuatkan nama tempat *al-Shām* di samping lokasi-lokasi lain yang bermula dengan huruf *al-Shīn*. Kajian ini menggunakan naskhah yang diterbitkan pada tahun 1995 oleh *Dār Ṣādir* yang bertempat di Beirut. Bahagian *al-Shīn* dalam penerbitan ini terdapat dalam jilid 3.


Kajian hanya mengumpulkan nama-nama lokasi bermula dengan huruf *al-Shīn* yang diklasifikasikan oleh *Yaqūt al-Ḥamawī* sebagai terletak di Syam. Bagaimanapun bagi nama tempat *al-Shām* yang diperincikan oleh pengarangnya, kajian ini mengumpul semua nama lokasi yang disebut sebagai berada dalam al-Sham tanpa mengira permulaan hurufnya bermula dengan huruf *al-Shīn* atau selainnya. Maklumat tempatan tentang nama-nama lokasi Syam didapatkan daripada kitab yang sama serta rujukan-rujukan lain yang memberi perincian.

Seterusnya kajian melakukan analisis konten bagi data yang dikumpulkan. Kajian ini adalah bersifat induktif dengan mengemukakan satu pendekatan untuk mengenalpasti identifikasi Syam di sisi masyarakat Arab silam. Hakikatnya, tidak

terdapat identifikasi geografi secara langsung tentang Syam dalam teks Arab klasik. Sehubungan dengan itu, pendekatan kontemporari yang diamalkan secara dominan ialah memahami maksud Syam dalam teks Arab secara literal. Oleh yang demikian, kajian ini berinisiatif memaparkan pendekatan mengenalpasti kedudukan lokasi-lokasi yang dianggap oleh ilmuan Arab silam sebagai Syam, yang seterusnya dapat memberi jawapan tentang lingkungan geografi yang dimaksudkan. Kajian ini memaparkan satu sampel bagi lokasi-lokasi yang dianggap oleh *Yaqūt al-Hamawī* serta ilmuan silam yang lain sebagai termasuk dalam sempadan geografi Syam. Lokasi-lokasi yang dipilih adalah nama tempat yang dapat dikenalpasti kedudukannya dalam negara tertentu yang dikenali sekarang. Adapun nama laut dan sungai yang dikongsi kedudukan geografinya oleh beberapa negara, ia hanya berfungsi sekiranya dijadikan penentu sempadan dan tidak dikira sebagai lokasi negara tertentu. Hasil lakaran peta bagi kedudukan geografi lokasi-lokasi, dapatlah dipaparkan secara kasar lingkungan Syam yang dimaksudkan oleh masyarakat Arab silam.

LOKASI LINGKUNGAN SYAM DALAM BAHAGIAN; *AL-SHĪN, MU'JAM AL-BULDĀN*

Pengumpulan data daripada bahagian *al-Shīn*, kitab *Mu'jam al-Buldān* memerlukan kajian melihat satu persatu senarai nama lokasi serta penjelasannya bagi mendapatkan maklumat. Kajian terlebih dahulu mengumpul data dari nama *al-Shām* yang berada dalam senarai bahagian *al-Shīn*. *al-Shām* tidak lain dan tidak bukan adalah sebutan Arab bagi Syam. Oleh yang demikian, kajian ini menjangkakan pemerincian khusus oleh al-Ḥamawī (1995) tentang wilayah tersebut. Hasilnya, kajian ini mendapat maklumat tentang sempadan yang merangkum wilayah Syam secara kasar, iaitu Sungai *al-Furāṭ* (Furat) di sebelah timur, Laut *al-Rūm* (Mediterranean) dan *al-'Arīsh* (Arish) di sebelah barat dan Pergunungan *Tayyi'* (Tayy) di selatan. Furat ialah nama sungai yang mengalir dari pedalaman negara Turki merentasi Syria dan seterusnya Iraq. Manakala Mediterranean adalah laut yang mana pantai negara-negara Turki, Syria, Lubnan, Israel, Palestin dan Mesir bersempadan dengannya (Wilco, 2011). Sempadan yang melingkungi wilayah Syam sebagaimana yang disebut dapat dipaparkan sebagaimana dalam Peta 1.



Peta 1: Paparan sempadan Syam secara kasar yang digarisi pinggir Laut Mediterranean, Sungai Furat, Pergunungan Tayy dan Arish.

Peta 1 menggambarkan secara kasar wilayah Syam yang dilingkungi oleh Pergunungan Tayy di sebelah selatan, Laut Mediterranean di sebelah barat, Sungai Furat di sebelah timur dan bandar Arish sebagai titik penghujung yang menghala ke Mesir. Paparan Sungai Furat pada Peta 1 adalah kepada aliran induk sungai tersebut tanpa cawangan-cawangannya yang mengalir dari arah timur dan barat (UN-ESCWA and BGR, 2013).

Pada pemerincian nama tempat *al-Shām* juga disebut nama lokasi-lokasi lain yang tidak bermula dengan huruf *al-Shīn*. Keputusannya, kajian ini berjaya mengenalpasti sejumlah 30 lokasi yang dikategorikan oleh al-Ḥamawī (1995) sebagai berada dalam wilayah Syam, yang mana 15 lokasi daripada perincian nama *al-Shām* dan 6 lokasi daripada senarai nama tempat selain *al-Shām* yang disebut dalam bahagian *al-Shīn* yang bermula dengan huruf tersebut. Kajian ini membahagikan taburan kedudukan bagi lokasi tersebut mengikut pembahagian geografi moden yang mudah dikenali sekarang melalui lakaran peta dunia bagi negara-negara (Wilco, 2011). Terdapat juga lokasi yang kini telah berpecah dan berada di bawah kuasa beberapa negara. Bagi kes ini, kajian akan menisbahkannya kepada satu negara yang lebih dominan menguasai kawasannya sekarang. Negara-negara terlibat yang mana lokasinya dirangkumkan dalam wilayah Syam ialah; Arab Saudi, Israel, Jordan, Lubnan, Mesir, Syria dan Turki. Secara lebih terperincinya, 1 daripada lokasi terletak

di Arab Saudi, 6 di Israel, 3 di Jordan, 2 di Lubnan, 1 di Mesir, 10 di Syria dan 8 di Turki, sebagaimana berikut.

Arab Saudi: *Jabal Tayyi* `

Israel: ‘*Akkā*, *Asqalān*, *Bayt al-Maqdis*, *Filastīn*, *Shafar’amm*, *al-Urdun*.

Jordan: *al-Balqā`*, *al-Sharāh*, *al-Shawbak*.

Lubnan: *Şūr*, *Tarabulus*.

Mesir: *al-‘Arīsh*.

Syria: *Dimashq*, *Halab*, *Hamāh*, *Huwwārīn*, *Hims*, *al-Ma’arrat*, *Manbij*, *Qinnasrīn*, *Shayzar*, *Shinān*.

Turki: *Adhanah*, *Antākiyyah*, *Baghrās*, *al-Hadath*, *Mar’ash*, *al-Miṣṣīṣah*, *Naṣībīn*, *Tarasūs*,

Demikianlah nama 30 lokasi daripada bahagian *al-Shīn* yang dikategorikan sebagai dalam wilayah Syam oleh al-Ḥamawī (1995). Kebanyakan lokasi dari sampel ini terletak di negara yang dikenali sekarang sebagai Syria dan Turki.

Nama Lokasi dalam Syria

Sebanyak 10 lokasi dalam bahagian *al-Shīn* daripada *Mu’jam al-Buldān* dikenalpasti sebagai tempat yang terletak di negara yang sekarang dikenali sebagai Syria. Kesemua lokasi tersebut merupakan tempat yang masih dikenali hingga sekarang. Antaranya tempat yang masih dikenali sebagai daerah seperti *Dimashq* dan *Hims* yang merupakan sebutan Arab bagi Damsyik dan Homs (Simplemaps, 2023). *Shayzar* juga dahulunya dikenali sebagai daerah, tetapi kini dikira sebagai pekan (BBC News Arabic, 2011). Antara lokasi bandar ialah *Halab* atau Aleppo, *Hamāh* atau Hama, *al-Ma’arrat* atau al-Ma’arrat, dan *Manbij*. *Qinnasrīn* juga dahulunya adalah bandar dan kini dikira sebagai tapak peninggalan tamaddun silam (al-Muhammad, 2021). Demikian juga tempat yang dikenali sebagai perkampungan seperti *Huwwārīn* atau Hawwarin. Adapun *Shinān* atau Shnan, dahulu ia dikenali sebagai perlumbahan dan sekarang merupakan sebuah perkampungan (Aljazeera.net, 2014) .

Nama Lokasi dalam Turki

Terdapat 8 lokasi al-Syam yang didapati merupakan tempat di negara dikenali sebagai Turki sekarang iaitu: *Adhanah*, *Antākiyyah*, *Baghrās*, *al-Hadath*, *Mar’ash*, *al-Miṣṣīṣah*, *Naṣībīn* dan *Tarasūs*. Antara lokasi tersebut, 6 daripadanya adalah bandar iaitu; *Antākiyyah*, *Mar’ash*, *al-Miṣṣīṣah*, *Naṣībīn* dan *Tarasūs* atau disebut di Turki dengan nama Antakya, Kahramanmaraş, Mopsuestia, Nusaybin dan Tarsus (Brosnahan, 2023; Wickham, 2009). Bandar Nusaybin terletak di pinggir Sungai Jaghagh yang mengalir ke Sungai Khabur yang merupakan salah satu cawangan Sungai Furat (UN-ESCWA and BGR, 2013). Adapun *Baghrās* yang juga dulunya sebuah bandar, ia dikenali di Turki sekarang sebagai pekan Bagras yang mempunyai tapak kubu kota silam (Sinclair, 1990). Manakala *Adhanah* pula pada masa dahulu hanyalah dikenali sebagai sebuah penempatan di pinggir sungai *Sīhān*, iaitu Seyhan. Ia terletak agak berdekatan dengan bandaraya Mopsuestia. *Adhanah* dikenali sekarang sebagai sebuah bandaraya di Turki yang disebut Adana (Brosnahan, 2023).

Adapun *al-Hadath*, ia merupakan kubu kota silam di atas bukit *al-Uhaydib* yang terletak antara Malatya, Somsat dan Kahramanmaraş (al-Hamawī, 1995). Kajian tidak mendapat maklumat kontemporari tentang *al-Hadath* di wilayah ini, demikian juga dengan bukit *al-Uhaydib*. Begitupun, kajian ini menganggarkan kedudukannya di kawasan dataran tinggi antara tiga tempat yang disebutkan terletak di sekitarnya.

Nama Lokasi dalam Israel, Jordan dan Lubnan

Israel, Jordan dan Lubnan adalah negara Asia Barat yang berjiran. Pada zaman silam, bumi ketiga-tiga negara ini terbahagi kepada tiga daerah dominan, iaitu *al-Urdun* atau Jordan Lama, *Filastīn* atau Palestin Lama dan *al-Balqā`*. *al-Urdun* merupakan daerah yang sangat luas dan meliputi Lembah Jordan, Tiberias, *Šūr*, Akka, Capitolias, Jadr dan Sepphoris; serta perkampungan Beisan, Qarawā, Jericho dan al-‘Awjā’. Kebanyakan daerah Jordan Lama mencakupi lokasi-lokasi yang kini dikenali berada dalam kuasa Israel seperti Tiberias, Akka, Sepphoris, Beisan dan al-‘Awjā’ (MidEastWeb, t.t.).

Filastīn atau Palestin pula adalah daerah yang berdekatan dengan Mesir. Bandaraya utamanya ialah *al-Bayt al-Maqdis*, diikuti bandaraya lain seperti; Ashkelon, Ramla, Gaza, Arsuf, Caesarea, Nablus, Jericho, Jaffa dan Bayt Jibrin. Kebanyakan daerah *Filastīn* mencakupi lokasi-lokasi yang kini dikenali berada dalam kuasa Israel seperti Ashkelon, Ramla, Arsuf, Caesarea, Jaffa dan Bayt Jibrin (MidEastWeb, t.t.). ‘Akka atau Akka dahulunya adalah daerah kecil berpelabuhan yang termasuk dalam Jordan Lama (Ibn Khurdādhbih, 2014). Kini tapak bandar Akka lama diishtiharkan sebagai warisan dunia di Israel oleh UNESCO (Tourist Israel The Guide, 2023). *Shafar’amm*, sebuah perkampungan besar yang jaraknya hanya tiga batu dari Akka juga dikira termasuk dalam Jordan Lama. Kini *Shafar’amm* berada di bawah kuasa Israel (Ministry of Transport and Road Safety, 2022). Manakala ‘Asqalān dan *al-Bayt al-Maqdis* yang juga dikenali sebagai Ashkelon dan Jerusalem; kedua-duanya adalah bandar yang termasuk dalam daerah Palestin Lama. Kini, Ashkelon dan Jerusalem berada di bawah kuasa Israel (Israel Travel Centre, 2023; Global Centre for The Responsibility To Protect, 2023).

Terdapat 3 lokasi yang bertempat di negara dikenali sebagai Jordan sekarang iaitu: *al-Balqā`*, *al-Sharāh*, *al-Shawbak*. *al-Balqā`* adalah sebuah daerah yang mana Amman adalah bandarnya. Manakala *al-Shawbak* atau Shobak dahulunya adalah kota kubu yang termasuk dalam daerah Jordan Lama. Ia sekarang merupakan sebuah bandar di negara Jordan (Bazazo, 2020). *al-Sharāh* pula adalah satu kawasan dalam daerah *al-Balqā`* dan terletak di pertengahan jalan antara Damsyik dan Madinah. Kawasan ini mempunyai sebuah perkampungan yang terkenal bernama al-Ḥumaymah. *al-Sharāh* kini dikenali sebagai sebuah bandar di Jordan (Jordan News Agency, 2023).

Bandaraya *Šūr* atau Tyre yang dahulunya termasuk dalam daerah Jordan Lama, kini dikira sebagai sebuah daerah di negara Lubnan (Alarabiya, 2023). Sebuah lokasi Syam yang juga dikira berada dalam Lubnan ialah *Tarabulus* atau Tripoli, yang merupakan sebuah daerah juga pada masa dahulu (al-Maqrīzī, t.t.).

Nama Lokasi dalam Asia Saudi dan Mesir

Hanya terdapat 1 nama lokasi wilayah Sham yang terletak di negara yang dikenali sebagai Arab Saudi sekarang. Lokasi tersebut ialah *Jabal Tayyi`* atau Pergunungan Tayy, yang terkenal dengan dua gunungnya bernama *Ajā* dan *Salmā* atau Aja dan Salma. Lokasi ini sekarang termasuk dalam pentadbiran wilayah Hail, Arab Saudi (Saudi Press Agency, 2021). Sebagaimana terdapat juga 1 nama lokasi yang terletak dalam negara Mesir, iaitu bandar *al-‘Arīsh* atau Arish. Bandar ini dikira sebagai titik Syam paling hujung yang menghala ke Mesir (al-Hamawī, 1995). Arish kini merupakan bandar utama Sinai Utara (Muḥāfaẓat Shamāl Saynā`, 2022).

PAPARAN LOKASI-LOKASI SYAM

Kajian ini telah dapat mengenalpasti kedudukan geografi bagi nama 30 lokasi yang terletak dalam wilayah Syam berdasarkan penjelasan al-Hamawi dalam bahagian *al-Shīn* dan sumber-sumber lain. Nama-nama lokasi tersebut dapat dibahagikan mengikut pembahagian negara-negara pada masa kini. Hasilnya, kajian dapat mengenalpasti nama-nama negara yang terlibat iaitu Arab Saudi, Israel, Jordan, Lubnan, Mesir, Sysia dan Turki. Nama-nama lokasi masih dikenali hingga sekarang kecuali nama *al-Hadath* yang memerlukan kajian yang lebih mendalam. Setiap nama lokasi disebutkan dalam senarai disertai kod sebagaimana di bawah bagi memudahkan pengecaman kedudukannya dalam peta yang akan dilakarkan:

Arab Saudi:

Jabal Tayyi` - pergunungan, AS1

Israel:

‘Akkā – daerah kecil, I1

‘Asqalān – bandar, I2

al-Bayt al-Maqdis – bandar, I3

Filasṭīn, daerah besar – I4

Shafar’amm – perkampungan besar, I5

al-Urdun – daerah besar, I6

Jordan:

al-Balqā` – daerah besar, J1

al-Sharāh – kawasan, J2

al-Shawbak – kota kubu, J3

Lubnan:

Sūr – daerah kecil, L1

Tarabulus – daerah, L2

Mesir:

al-‘Arīsh – bandar, M1


Syria:

- Dimashq* – daerah, S1
Halab – bandar, S2
Hamāh – bandar, S3
Huwwārīn – kampung, S4
Hims – daerah, S5
al-Ma’arrat – bandar, S6
Manbij – bandar, S7
Qinnasrīn – bandar, S8
Shayzar – daerah, S9
Shinān – perlembahan, S10

Turki:

- Adhanah* – sebuah penempatan, T1
Anṭākiyyah – bandar, T2
Baghrās – bandar, T3
al-Hadath – kubu kota, T4
Mar’ash – bandar, T5
al-Maşşīshah – bandar, T6
Naşībin – bandar, T7
Ṭarasūs – bandar, T8

Status lokasi adalah berbeza dan terdiri daripada; pergunungan, daerah, daerah kecil, perlembahan, bandar, kubu kota, kampung serta penempatan yang tidak dapat dijelaskan statusnya. Bagi memaparkan Syam yang diliputi oleh lokasi-lokasi yang dirumuzkan dalam kod sebagaimana di atas, Peta 2 dilakarkan untuk memberikan gambaran.



Peta 2: Taburan geografi bagi lokasi Syam (dalam bentuk rumuz) daripada bahagian *al-Shīn*, *Mu'jam al-Buldān*; bagi negara; Arab Saudi, Israel, Jordan, Lubnan, Mesir, Syria dan Turki.

Berdasarkan paparan Peta 1, dapat dilihat taburan lokasi-lokasi Syam daripada bahagian *al-Shīn* daripada *Mu'jam al-Buldān* yang dilingkungi oleh Pergunungan Tayy di sebelah selatan, Laut Mediterranean di sebelah barat dan Sungai Furat di sebelah timur. Rumuz-rumuz yang mewakili lokasi yang disebut dalam bahagian *al-Shīn* lebih dominan tertumpu pada barat dan utara Syam. Maklumat yang dapat difahami daripada analisa maklumat sampel dan paparan peta ialah Syam di sisi masyarakat Arab silam tidak semestinya bermaksud bahagian Tanah Arab tertentu yang biasa difahami. Wilayah Syam sebenarnya lebih luas dan mencakupi juga bahagian utara Arab Saudi, bahagian barat Iraq, bahagian tenggara Turki dan bahagian barat laut Semenanjung Sinai. Biarpun tiada lokasi bahagian *al-Shīn* yang mewakili kawasan yang berada di bawah pentadbiran Palestin yang sekarang, negara tersebut dikira berada dalam lingkungan sempadan Syam. Gaza dan bahagian Tebing Barat Sungai Jordan yang masih di bawah pentadbiran Palestin berada dalam lingkungan geografi wilayah Syam (Palestine Children's Relief Fund, t.t.). Identifikasi geografi Syam yang cuba dipaparkan oleh kajian ini masih dikira sebagai dapatan kasar kerana hanya menumpukan kepada sampel bahagian huruf *al-Shīn* daripada *Mu'jam al-Buldān*. Biarpun lingkungan kasar yang menyempadani

Syam dapat dikenalpasti, tetapi lokasi-lokasinya sampel ini lebih tertumpu kepada bahagian barat serta utara, dan tidak mewakili setiap kawasan dengan seimbang.

PENUTUP

Kitab *Mu'jām al-Buldān* yang dihasilkan oleh *Yāqūt al-Hamawī* merupakan khazanah ilmu geografi yang sangat berharga. Kajian ini hanya menyorot sisi terhad sahaja dari karya ilmiah tersebut, yang berupa sampel daripada bahagian huruf *al-Shīn*. Berdasarkan pengumpulan maklumat tentang nama-nama lokasi yang dikategorikan oleh al-Hamawī sebagai terletak di Syam, maka kajian dapat mengenalpasti 30 lokasi. Amat jelas sekali bahawa Syam bukan hanya mencakupi beberapa negara Arab tertentu. Biarpun berdasarkan sempadan kasar yang dapat dikenalpasti daripada kajian ini, ternyata Syam yang dikenali dahulu mencakupi negara Israel, Jordan, Lubnan, Palestin, Syria, bahagian utara Arab Saudi, bahagian barat Iraq, bahagian tenggara Turki dan bahagian timur laut Semenanjung Sinai, Mesir. Oleh kerana skop kajian ini adalah terhad iaitu bahagian *al-Shīn* daripada *Mu'jām al-Buldān*, justeru hanya dapat memberi gambaran kasar sahaja. Bagi mendapatkan gambaran yang holistik tentang Syam, seorang pengkaji perlu memaparkan semua lokasi yang dikategorikan berada di wilayah tersebut dalam *Mu'jām al-Buldān*. Sehubungan daripada pencerahan tentang maksud Syam, kajian ini memberi saranan tentang cara memahami teks Arab klasik berkaitan wilayah ini. Seharusnya diselidiki dahulu maksud Syam dalam sesuatu teks, supaya dapat ditentukan sesuatu peristiwa atau karakteristik adalah berkaitan dengan lokasi yang spesifik dalam rantaunya mengikut identifikasi geografi masyarakat Arab silam.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.*
- Abas, N. B. (2017). Hadits Tentang Keutamaan Negeri Syam: Telaah Ma’ani al-Hadits. Tesis Sarjana yang belum diterbitkan. Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau, Indonesia.
- Alarabiya. (2023). *Hudū` hadhir ba'd ḥarbāt Isrā`īliyyat maḥdūdat istahdāfat Ḥarakat Ḥamās Janūb Lubnān*. URL: <https://www.alarabiya.net/arab-and-world/2023/04/06/>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Aljazeera.net. (2014). *al-Qatlā wa al-jarhā fī qaryat Shinān bi rīf Idlib*. URL: <https://www.aljazeera.net/videos/2014/7/29/>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Bazazo, I. (2020). *Al-Jughrāfiyā al-siyāhiyyat fī al-Urdun*. Amman: Dar Al-Yazori. 234.
- BBC News Arabic. (2011). *Sūriyā: Anbā` 'an suqūt mazīd min al-qatlā fī alyawm al-akhīr li muhlat al-Ājāmi'at al-'Arabiyyah*. URL: https://www.bbc.com/arabic/middleeast/2011/11/111119_syria_deadline. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Brosnahan, T. (2023). *Turkey travel planner: Maps of Turkey & Istanbul*. URL: <https://turkeytravelplanner.com/Maps/index.html>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- al-Dhahabiy, M. `A. (2006). *Siyar A'lām al-nubalā`*. Kaherah: Dār al-Hadīth. 16, p. 230.
- Farag, H., (2023). *Mā ḥukm al-safar fī Ramadān? Muftī al-Jumhūriyyat al-sābiq yuğib*. URL: <https://www.elwattannews.com/news/details/6464068?t=push>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Israel Travel Centre. (2023). *Ashkelon*. URL: <https://www.israeltravelcentre.com.au/places-to-visit/ashkelon/>. Dicapai pada: 28 April 2023.
- Jordan News Agency. (2023). *Baladiyyat al-Sharāṭ bi Muḥāfaẓat Ma'ān tunaffidh mashrū'āt khadamiyyah*. URL:

- https://www.petra.gov.jo/Include/InnerPage.jsp?ID=96&lang=ar&name=SocietyAndPeople_news. Dicapai pada: 28 April 2023.
- Global Centre for The Responsibility To Protect. (2023). Israel and the Occupied Palestinian Territory. URL: <https://www.globalr2p.org/countries/israel-and-the-occupied-palestinian-territory/>. Dicapai pada: 28 April 2023.
- Gomaa, A. (2014). *al-Sīrat al-dhātiyyah*. URL: <https://www.draligomaa.com/index.php/>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- al-Ḥamawī, Y. ‘A. (1995). *Mu’jam al-Buldān*. Beirut: Dār Ṣādir. Jilid 3.
- Ibn Khurdādhbih, ‘U. ‘A. (2014). *al-Masālik wa al-mamālik*. H. Wuld al-Sālim. (Ed.). Beirut: Dār al-Kotob Al-ilmiyyah. hlmn. 46.
- al-Maqrīzī, A. ‘A. (t.t.). *al-Sulūk li ma’rifat duwal al-mulūk*. ktab INC. 6: 104.
- Md. Ali, A. W., Wan Chik, W. M. Y., Haji Taib, M. K., Sulaiman, A. W. & Mohd, Z. (2019). Elemen-elemen pelancongan dalam sirah nabawiyah: Analisis terhadap kitab al-Rahiq al-Makhtum karangan Safi al-Rahman al-Mubarakfuri. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Kuala Terengganu: INSPIRE, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- MidEastWeb. (t.t.). *Detailed map of Israel and Palestinian Areas*. URL: <http://www.mideastweb.org/misraeldetail.htm>. Dicapai pada: 30 April 2023.
- Ministry of Transport and Road Safety. (2022). *al-Qīṭār al-khaṭīf dhū al-manāẓir al-khallābat yataqaddam bi sur’ah*. URL: <https://www.gov.il/ar/departments/news/nofit-train>. Dicapai pada: 28 April 2023.
- Mohamad, R. dan Ahmad, T. (2021). Identifikasi Al-Hind Berdasarkan Mu’jam Al-Buldān Oleh Al-Ḥamawī: Kajian Terhadap Huruf Al-Qāf dan Al-Kāf. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 14(2). 67-108. Bangi: Penerbit KUIS.
- Muḥāfaẓat Shamāl Saynā’. (2022). *Bayānāt ‘an al-madīnah: al-‘Arīsh*. URL: <http://www.northsinai.gov.eg/areas/DistDetails.aspx?DID=70>. Dicapai pada 28 April 2023.
- al-Muhammad, ‘A. (2021). *Madāfin al-haḍbat al-shimāliyyat li Qinnasirīn / al-‘Ays*. URL: <https://thearchaeologist.news/thearch/>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Palestine Children’s Relief Fund. (t.t.). *What are the Gaza Strip and the West Bank?* URL: <https://www.pcrf.net/information-you-should-know/what-are-the-gaza-strip-and-the-west-bank.html>. Dicapai pada: 30 April 2023.
- Saudi Press Agency. (2021). *Ajā wa Salmā siyāḥat Hā’iliyyat jama’at bayn al-ṭabī’at wa al-athār*. URL: <https://www.spa.gov.sa/2183593>. Dicapai pada: 28 April 2023.
- Simple maps. (2023). *Syria cities database*. URL: <https://simplemaps.com/data/sy-cities>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Sinclair, T. A. (1990). *Eastern Turkey: An Architectural & Archaeological Survey*. London: The Pindar Press. 4:350.
- Syahraeni, A. (2016) Islam di Syria. *Jurnal Rihlah*. Vol. 5(2). Makassar: Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Tourist Israel The Guide. (2023). *Akko (Acre)*. URL: <https://www.touristisrael.com/akko-acre-israel/1123/>. Dicapai pada: 28 April 2023.
- UN-ESCWA and BGR. (2013). *Inventory of shared water resources in Western Asia*. Beirut.
- Wickham, L. R. (2009). Aspects of Clerical Life in the Early Byzantine Church in Two Scenes: Mopsuestia and Apamea. *The Journal of ecclesiastical history*. Cambridge University Press. Vol. 46(1). (3-18). DOI: <https://doi.org/10.1017/S0022046900012513>. Dicapai pada: 27 April 2023.
- Wilco. (2011). *The World Pocket Atlas*. Mumbai: Wilco. 81.